

# ورتا فئرشن *Warta Penerangan*



JULAI 2016





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.





**Terbitan Bahagian Pengurusan**  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat

Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak

Nur Asrina binti Idris

Norafiqah binti Haji Murni

Sumber Berita & Fotografi

PELITA BRUNEI dan

pegawai dan kakitangan

Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

# Isi Kandungan

# Muka

|  |       |
|--|-------|
| 'Daulat Raja Merentas Zaman' menggarap nilai-nilai keagamaan dan tradisi                       | 5-6   |
| Jabatan Penerangan raikan Aidilfitri   | 7     |
| Majlis Khatam Al-Quran Jabatan Penerangan  | 8-9   |
| Bersedekah di bulan Ramadan dilipatgandakan ganjaran pahala                                    | 10-11 |
| Persembahan PENTARAMA membuka tirai pentas perayaan  | 12-13 |
| PENTARAMA medium komunikasi dalam pembangunan  | 14    |
| PENTARAMA suntik nilai moral melalui hiburan   | 15    |
| PENTARAMA meriahkan pentas perayaan Daerah Belait  | 16    |
| Menerapkan elemen budaya pembelajaran di Universiti  | 17    |
| Jabatan Penerangan terus dekati pelajar  | 18    |
| Jangan cuaikan bendera negara  | 19    |
| Jabatan Penerangan tingkatkan kesedaran kibarkan bendera                                       | 20    |
| Bendera punyai hubungan dengan Islam   | 21    |
| Bendera semangat patriotisme, nasionalisme   | 22    |
| Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan Julai 2016 | 23    |
| Kakitangan yang menamatkan perkhidmatan (bersara)  | 23    |

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# 'Daulat Raja Merentas Zaman' menggarap nilai-nilai keagamaan dan tradisi

Oleh: Khartini Hamir, Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Pg. Amirul nizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad



KEBAWAH DYMM berkenan menandatangani poster besar yang disebarkan oleh Jabatan Penerangan sempena Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Brunei dan Muara (atas, bawah).

**B**ANDAR SERIBEGAWAN, Ahad, 24 Julai. - Persembahan Khas 'Daulat Raja Merentas Zaman' menggarap nilai-nilai keagamaan juga tradisi oleh anak-anak watan dari pelbagai lapisan generasi masyarakat di Daerah Brunei dan Muara mewarnai Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Brunei dan Muara (DBM) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun.

Seramai lebih 200 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, penuntut-penuntut sekolah, ahli-ahli badan bukan kerajaan, sukarelawan serta masyarakat di DBM terlibat dalam persembahan khas yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Terdapat lima segmen khas yang dipersembahkan, iaitu segmen pertama 'Tarian Radat' yang menggambarkan nilai-nilai keislaman yang digarap melalui lagu, 'Salla Rabbuna', dipersembahkan oleh seramai 70 orang penuntut dari Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar.



Sementara segmen kedua adalah 'Tarian Duduk Bersimpuh' menggambarkan kehalusan budi pekerti yang tinggi serta adat sopan santun orang-orang Brunei dalam menyambut kehadiran dan kedatangan tetamu, yang mana seramai 30 orang penuntut dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri mempersembahkan tarian berkenaan.

Di segmen ketiga ialah 'Tarian Jipin Laila Sembah', menceritakan dan menggambarkan rasa hormat dalam menyambut kedatangan tetamu yang datang, dimana pergerakan yang digambarkan melalui gerak berdatang sembah mencerminkan adat tradisi sopan santun yang dimiliki oleh Rakyat Brunei sejak turun temurun. Tarian ini dipersembahkan oleh seramai 70 orang penuntut dari Sekolah Menengah Katok.





KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama para petugas MRO, jurufoto dari Jabatan Penerangan dan agensi-agensinya.

Segmen keempat pula mempersembahkan ‘Permainan Gulingtangan dan Pukulan Gendang’ yang menggambarkan adanya perpaduan dari pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai identiti dan budaya yang kukuh, siap sedia dalam menjunjung kedaulatan negara. Persembahan ini dipersembahkan oleh kumpulan Gulingtangan dari Jabatan Penjara dan Universiti Brunei Darussalam.

Manakala segmen kelima dan terakhir ialah ‘Tarian Jipin Tar’, mencerminkan rakyat jelata bersatu padu dan bersiap siaga dalam menjunjung titah dalam merentas zaman bagi mencapai impian negara yang diterapkan melalui kepimpinan serta kewibawaan raja yang berdaulat.

Pada Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk tersebut juga turut menampilkan sebanyak 91 buah petak khas yang dipenuhi oleh segenap lapisan rakyat serta penduduk di negara ini bagi berjunjung ziarah bersama Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain, selain turut memberikan pesambah-pesambah khas ke hadapan majlis baginda, juga turut mempamerkan produk-produk, pameran-pameran, kegiatan-kegiatan serta hasil peraduan-peraduan yang diungkayahkan.

Antara yang turut mengambil bahagian di petak-petak junjung ziarah tersebut adalah terdiri dari Persatuan-persatuan dari Mukim dan Kampung di DBM, Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung di DBM, Kegiatan Penerangan dan Promosi dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Juga menyertai ialah Dewan-dewan Perniagaan (Melayu, India, Pakistan dan Tiong Hwa), Syarikat-syarikat Swasta (DST Com. Sdn. Bhd., TelBru, Progresif Cellular Sdn. Bhd. dan RB), persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan (Majlis Wanita Brunei, Majlis Belia Brunei, Persatuan Bank-Bank Brunei, PGGMB, Pengawasan Kejiranan, Radio Amatir NBD, Polsara, Basmida dan Majlis Perniagaan Wanita), Ikawangi Brunei (Ikatan Keluarga Besar Banyuwangi), CfBT Education Services Sdn. Bhd. dan lain-lain lagi.



KEBAWAH DYMM semasa menerima junjung ziarah daripada rakyat dan penduduk yang hadir pada Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah tersebut.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan bersama ‘Poster besar KDYMM’ di Majlis Ramah Mesra berkenaan.



PERSEMBAHAN Gulingtangan pada Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah tersebut.



# Jabatan Penerangan raikan Aidilfitri

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Julai. - Aidilfitri merupakan kesempatan terbaik untuk saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan, seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara sesama sendiri.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya bertempat di Hotel Ba'diah.

Turut hadir Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Majlis diserikan dengan beberapa persembahan nyanyian daripada ahli-ahli jawatankuasa majlis sambutan, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Acara kemuncak majlis ialah acara cabutan nombor-nombor bertuah dan 'Grand Draw' yang mana hadiah-hadiah adalah sumbangan 'in-kind' dari pegawai dan kakitangan jabatan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada pemenang Pakaian Terbaik Kanak-Kanak Perempuan, adik Zahra Bazilah binti Haji Ramlee pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Jabatan Penerangan 1437H.



MAJLIS Ramah Mesra Hari Raya Jabatan Penerangan turut diwarnai dengan fesyen pakaian dari anak-anak para pegawai dan kakitangan yang hadir bersama keluarga.



MAJLIS Ramah Mesra Hari Raya Jabatan Penerangan dimeriahkan dengan persembahan nyanyian lagu-lagu hari raya dari pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Jabatan Penerangan.

# Majlis Khatam Al-Quran Jabatan Penerangan

Oleh: Dk Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan lelaki yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran sempena Memperingati Nuzul Al-Quran dan Menyemarakkan Bulan Ramadan 1437H / 2016M tersebut.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Julai. - Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Memperingati Nuzul Al-Quran dan Menyemarakkan Bulan Ramadan 1437H/2016M berlangsung di Surau Jabatan Penerangan.

Majlis dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, para pegawai dan kakitangan jabatan tersebut dari keempat-empat daerah bagi sama-sama membacakan ayat-ayat lazim untuk Majlis Khatam Al-Quran yang dianjurkan secara tahunan itu.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod.



SEBAHAGIAN daripada kakitangan perempuan yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran sempena Memperingati Nuzul Al-Quran dan Menyemarakkan Bulan Ramadan 1437H / 2016M tersebut.





Majlis diteruskan dengan penyerahan sumbangan derma kepada seramai 12 orang anak yatim warga Jabatan Penerangan yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan.

Majlis Khatam Al-Quran disudahi dengan bacaan doa khatam yang dipimpin oleh Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.



PENYAMPAIAN derma kepada anak-anak yatim warga Jabatan Penerangan disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan.

Majlis berkenaan dihasratkan untuk menggalakkan para pegawai dan kakitangan jabatan supaya dapat menghayati serta sentiasa mengamalkan membaca Al-Quran, di samping menjalinkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga Jabatan Penerangan dan memupuk sifat bantu-membantu juga pada masa yang sama mendukung hasrat kerajaan ke arah menjadikan negara ini sebuah 'Negara Zikir'.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan lelaki yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran sempena Memperingati Nuzul Al-Quran dan Menyemarakkan Bulan Ramadan 1437H / 2016M tersebut.



# Bersedekah di bulan Ramadan dilipatgandakan ganjaran pahala

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan semasa menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang anak yatim.

**KUALA BELAIT**, Isnin, 4 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat dan Cawangan Penerangan Daerah Belait meneruskan Program Ramadan Penerangan bertempat di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Mukim Kuala Belait.

Hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Juga hadir ialah Ketua Kampung Pandan 'A', Awang Haji Sulaiman bin Haji Udin, Ahli Majlis Perundingan Kampung dan Takmir Masjid, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Guru Ugama Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara, Awang Abdul Afiq bin Zainuddin.

Sementara itu, ceramah agama yang bertajuk fadilat dan ganjaran bersedekah serta berbelanja secara berhemah di bulan Ramadan disampaikan oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Mohd. Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.



ANTARA yang hadir pada Program Ramadan Penerangan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Mukim Kuala Belait.



Para kakitangan yang mendengarkan ceramah agama yang bertajuk 'Fadilat dan ganjaran bersedekah serta berbelanja secara berhemah di bulan Ramadan'.





PENGARAH Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Mohd. Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yusoff semasa menyampaikan ceramah agama yang bertajuk 'Fadilat dan ganjaran bersedekah serta berbelanja secara berhemah di bulan Ramadan'.

Dalam ceramahnya antara lain menyentuh mengenai kelebihan bersedekah di bulan Ramadan yang mana bersedekah di bulan Ramadan ganjaran pahalanya akan dilipatgandakan.

Menurutnya, amalan menghidupkan Ramadan dalam memperbanyakkan sedekah di bulan ini adalah sangat dituntut kerana Islam sering menggalakkan umatnya untuk banyak bersedekah.

Majlis juga diteruskan dengan bacaan tahlil dan bacaan doa arwah dipimpin oleh Awang Abdul Afiq disusuli dengan penyampaian sumbangan derma kepada 14 orang anak-anak yatim yang disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.

Sumbangan derma tersebut merupakan kutipan daripada warga Jabatan Penerangan serta keluarga dan orang-orang persendirian. Majlis kemudian diteruskan dengan berbuka puasa dan seterusnya Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Program Ramadan Penerangan ini dirangka untuk warga Jabatan Penerangan yang dihasratkan untuk memupuk nilai murni, dan menghayati Ramadan melalui amal kebajikan, dan membantu golongan yang memerlukan.

Program ini juga bertujuan untuk membuat amal kebajikan kepada masyarakat, di samping berinteraksi dengan mereka semasa bulan Ramadan dan dengan program ini diharap warga kampung dapat merasai keindahan Islam dan menyemai semangat ukhuwah, kasih sayang, pemedulian dan perpaduan dalam kalangan semua anggota masyarakat dan pihak kerajaan.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Program Ramadan Penerangan berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Mukim Kuala Belait.



ANTARA yang hadir pada Program Ramadan Penerangan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Mukim Kuala Belait.



# Persembahan PENTARAMA membuka tirai Pentas Perayaan

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hadir selaku tetamu kehormat. Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Julai. - Pentas Perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun membuka tirainya dengan persembahan PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

PENTARAMA adalah singkatan bagi Pentas Drama Bergerak sebagai mekanisme penyalur maklumat kepada orang ramai yang berfungsi sebagai salah satu wadah untuk menyalurkan mesej-mesej yang berunsurkan pendidikan, kenegaraan dan keagamaan kepada masyarakat umum

melalui pendekatan berbentuk hiburan dengan hasrat untuk menyuntik nilai-nilai moral positif dalam menyokong dan menggalakkan orang ramai mempertingkatkan lagi semangat patriotik, bernegara, bermasyarakat dan berkerajaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada PENTARAMA yang berlangsung di kawasan lapang berhadapan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz yang diadakan pada malam tersebut.





ANTARA pengisian persembahan PENTARAMA (atas, bawah).

Tarian ‘Menjunjung Duli’ yang dipersembahkan oleh AJ Dancers berjaya menarik minat hadirin sebagai membuka tirai persembahan, diikuti dengan nyanyian lagu tema PENTARAMA dan Lagu Hari Keputeraan.

Beberapa pengisian segmen yang menarik disusun dari awal sehingga ke akhir persembahan yang mana PENTARAMA tahun ini mempunyai sedikit kelainan dengan penampilan tiga artis warga Jabatan Penerangan yang dicungkil bakat mereka melalui Pertandingan Bintang Penerangan yang diadakan pada bulan April lalu dan juga menampilkan artis-artis tempatan seperti Hasrina, Yaniey dan Rafiz diiringi oleh Kumpulan Chemistry Coustic Band.

Ia turut diserikan dengan persembahan sketsa drama bertajuk ‘Mel Buah Hati Abang’ yang dipersembahkan oleh Kumpulan Tibadak Betunu dan dihiburkan dengan lawak jenaka daripada Kumpulan Beracun dan Dang Kasum.

Persembahan PENTARAMA turut diisikan dengan acara kuiz-kuiz, yang mana para penonton yang berminat diberikan peluang untuk menjawab kuiz-kuiz yang disediakan.



# PENTARAMA medium komunikasi dalam pembangunan

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Ah Chua

**TEMBURONG**, Jumaat, 29 Julai. - Dengan fungsi sebagai medium komunikasi dalam pembangunan, persembahan PENTARAMA kini dilaratkan ke daerah ini, bertempat di Pentas Perayaan Padang Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat semasa Persembahan PENTARAMA sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-70 Tahun bagi Daerah Temburong, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Antara yang menarik perhatian para penonton semasa persembahan tersebut ialah Muzikal Drama 60an 'Mel Buah Hati Abang' dengan menampilkan barisan pelakon tanah air yang berbakat.

Sketsa drama dari kumpulan 'Tibadak Betunu' itu mengisahkan tentang seorang gadis kampung yang cantik dan pandai menyanyi serta menjadi kegilaan pemuda-pemuda di Kampung Sepanggal.

Ke arah menjaga tata susila, gadis tersebut menerima banyak teguran dari ibunya agar anaknya itu menjaga tatasusila, adat, bahasa dan tidak mengenyepikan agamanya dengan menjaga adab berpakaian, adab berkunjung, hormat ketika bercakap dengan orang yang lebih tua.

Selain menampilkan artis-artis tempatan yang sudah mencipta nama, PENTARAMA pada tahun ini mempunyai sedikit kelainan dengan menampilkan tiga artis warga Jabatan Penerangan yang dicungkil bakat mereka melalui Pertandingan Bintang Penerangan pada bulan April 2016.

Persembahan juga dimeriahkan dengan tarian dari AJ Dancer dan lawak jenaka dari Kumpulan Beracun dan Dang Kasum, di samping kuiz kenegaraan.

Di samping untuk menyampaikan maklumat semasa, PENTARAMA yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri ini juga memberikan peranan kepada artis-artis tempatan sebagai *role model* dalam menangani isu sosial para remaja melalui pentas hiburan.



HADIR selaku tetamu kehormat majlis semasa persembahan PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.



SKETSA Drama 'Mel Buah Hati Abang' semasa persembahan PENTARAMA di Pentas Perayaan Padang Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.



SEBAHAGIAN dari persembahan tarian yang dipersembahkan oleh AJ Dancers semasa persembahan PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-70 Tahun.



# PENTARAMA suntik nilai moral melalui hiburan

Berita dan Foto oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam hadir selaku tamu kehormat pada majlis tersebut.



TARIAN 'Menjunjung Duli' yang dipersembahkan oleh AJ Dancers sebagai pembuka tirai persembahan.



ARTIS tempatan menyanyikan lagu pada malam tersebut.

**T**UTONG, , Selasa, 26 Julai. - Persembahan PENTARAMA berjaya menarik minat hadirin di Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun di kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Persembahan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri itu merupakan wadah untuk menyalurkan mesej yang berunsurkan pendidikan, kenegaraan dan keagamaan kepada masyarakat umum melalui pendekatan berbentuk hiburan dengan hasrat untuk menyuntik nilai moral positif dalam menyokong dan menggalakkan orang ramai mempertingkatkan lagi semangat patriotik, bernegara, bermasyarakat dan berkerajaan.

Hadir selaku tamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam.

Juga hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Tirai persembahan bermula dengan tarian 'Menjunjung Duli' yang dipersembahkan oleh AJ Dancers dan dengan nyanyian lagu tema 'PENTARAMA' dan Lagu Hari Keputeraan.

PENTARAMA tahun ini mempunyai sedikit kelainan dengan penampilan tiga artis warga Jabatan Penerangan yang dicungkil bakat mereka melalui Pertandingan Bintang Penerangan di samping menampilkan artis-artis tempatan termasuk Hasrina, Yaniey dan Rafiz diiringi oleh Kumpulan Chemistry Coustic Band.

Persembahan PENTARAMA turut diisikan dengan acara kuiz yang memberi peluang kepada penonton untuk menjawab.

Sketsa drama bertajuk 'Mel Buah Hati Abang' yang dipersembahkan oleh Kumpulan Tibadak Betunu dan dihiburkan dengan lawak jenaka daripada Kumpulan Beracun dan Dang Kasum berjaya menghiburkan para hadirin.

# PENTARAMA meriahkan pentas perayaan Daerah Belait

Oleh: Siaran Akhbar Jabatan Penerangan Foto : Ihsan Borneo Bulletin



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

**KUALA BELAIT**, Isnin, 25 Julai. - Persembahan Pentarama Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun 2016 diadakan di Pentas Perayaan, Kawasan Gerai Tudung Saji.

PENTARAMA ini dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang antara fungsinya adalah sebagai alat untuk menyalurkan mesej pendidikan, kenegaraan dan keagamaan kepada masyarakat melalui hiburan, dalam menyuntik moral yang positif bagi menyokong dan menggalakkan masyarakat ke arah meningkatkan semangat patriotik, bernegara, bermasyarakat dan berkerajaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Acara tersebut dimulakan dengan tarian "Menjunjung Duli" yang dipersembahkan oleh AJ Dancers sebagai pembuka tirai persembahan, diteruskan dengan kemeriahan nyanyian lagu tema 'PENTARAMA' dan Lagu Hari Keputeraan. Beberapa pengisian segmen yang menarik disusun dari awal sehingga ke akhir persembahan.

PENTARAMA pada tahun ini mempunyai sedikit kelainan yang mana menampilkan tiga orang artis warga Jabatan Penerangan, yang dicungkil bakat mereka melalui Pertandingan Bintang Penerangan yang diadakan pada bulan April 2016 dan juga menampilkan artis-artis tempatan seperti Hasrina, Yaniey dan Rafiz diiringi oleh Kumpulan Chemistry Coustic Band.

Atur cara persembahan juga dimuatkan dengan sketsa drama yang bertajuk "Meli Buah hati Abang" yang dipersembahkan oleh Kumpulan Tibadak Betunu, dan dihiburkan dengan lawak jenaka daripada Kumpulan Beraacun dan Dang Kasum. Para penonton juga diberikan peluang untuk ikut serta untuk menjawab kuiz-kuiz yang telah disediakan.



SKETSA drama yang bertajuk 'Mel Buah hati Abang' yang dipersembahkan oleh Kumpulan Tibadak Betunu. (atas, bawah).





# Menerapkan elemen budaya pembelajaran di universiti

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



TAKLIMAT Kenegaraan Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi mahasiswa - mahasiswi baharu Universiti Brunei Darussalam sempena Freshers' Week UBD 2016 disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar.



PARA mahasiswa-mahasiswi baharu Universiti Brunei Darussalam sempena Freshers' Week UBD 2016 mendengarkan Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (atas, bawah).

**T**UNGKU, Rabu, 27 Julai. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Taklimat berkenaan merupakan antara salah satu pengisian dalam UBD Freshers' Week yang telah bermula pada 25 Julai 2016 yang lalu.

UBD Freshers' Week adalah program orientasi yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Kemasukan, UBD dengan sokongan dari Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UBD serta Jawatankuasa Kerja (Working Committee).

Kira-kira 400 mahasiswa dan mahasiswi menghadiri sesi taklimat yang telah disampaikan oleh wakil dari Jabatan Penerangan iaitu Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar.

Dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Beliau juga menyingkap sejarah bendera terdahulu di mana sebelum tahun 1906 Negara Brunei Darussalam belum mempunyai bendera rasmi dan sehingga tahun 1906 bendera rasmi Negara Brunei Darussalam mula direka bentuk.



Bendera tambahnya, mempunyai lambang Panji-Panji dan Payung Ubor-Ubor, Sayap, Tangan atau Kimhap dan Bulan yang mengandungi cogan kata berbahasa Arab yang bermaksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah'.

"Bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna. Tidak boleh koyak, luntur dan pudar warnanya serta hendaklah dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat," katanya.

Jelasnya lagi, waktu menaik-kibarkan bendera adalah pada waktu yang telah ditetapkan di mana akan dimaklumkan secara khas kepada rakyat dan penduduk negara ini yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti Pelita Brunei dan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Antara tujuan utama UBD Freshers' Week adalah bagi mendedahkan dan menerapkan elemen-elemen budaya pembelajaran di universiti iaitu mendedahkan berkenaan peralihan dari sistem pembelajaran di sekolah menengah ke sistem pembelajaran peringkat universiti.

## Jabatan Penerangan terus dekati pelajar

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



PEGAWAI Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan'.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, 12 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bertempat di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar.

Taklimat tersebut antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan' dengan lebih terperinci.

Para penuntut yang mengikuti taklimat berkenaan juga turut menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' serta berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Pengetua STPRI, Dayang Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Muhammad kepada sepuluh orang penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Program itu adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan serta bendera negara.

Program tersebut juga turut dihadiri oleh guru-guru kanan, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta 200 orang pelajar Tahun 8 dari sekolah berkenaan.



WARGA Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dalam sesi bergambar ramai selepas Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' di sekolah berkenaan.



# Jangan cuaikan bendera negara

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



SETIAUSAHA Tetap (Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Adi Shamsul bin Haji Sabli (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70, 2016 di Daerah Tutong.

**T**UTONG, Sabtu, 2 Julai. Bendera negara tersebut bukanlah sesuatu yang dianggap remeh, kerana sejarah juga ada mengajarkan bahawa para pejuang Islam dahulunya sangat mementingkan akan terkibarnya bendera walaupun semasa di dalam perang yang sengit.

Menurut Dekan Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar semasa Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 bagi tahun 2016 secara serentak di keempat-empat daerah anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Tambahnya, jelas menunjukkan bahawa agama Islam pun mengajar bahawa bendera sesebuah negara itu harus dihormati dan tidak seharusnya dicuaikan.

Hal itu antara intipati ceramah khas beliau dalam Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70, 2016. Majlis berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Adi Shamsul bin Haji Sabli.

Seramai 130 orang hadir yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai beruniform, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, pegawai dan pengamal perhubungan awam serta pengetua-pengetua sekolah yang berhampiran.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah An Nisaa' ayat 58 hingga ayat 63 yang dibacakan oleh Awang Abdul Hafiz bin Abdul Kadiroshman yang merupakan naib Johan Peraduan Membaca Al-Quran Bagi Sekolah-sekolah Arab anjuran Jabatan Pengajian Islam.

Bagi memberkati majlis, bacaan Ratib Al-Attas oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof dan kemudian diakhiri dengan bacaan doa Allah Peliharakan Sultan yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Fauzi bin Haji Anuar.

Program itu antara lain bertujuan untuk menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat serta penduduk negara ini mengenai peranan juga tanggungjawab mereka menaikkan dan mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70, 2016. Ia juga adalah untuk meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat juga penduduk negara ini terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan serta kedaulatan raja, bangsa dan negara.

# Jabatan Penerangan tingkatkan kesedaran kibarkan bendera

Berita dan Foto: Noraisah Muhammed



SETIAUSAHA Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin A. Rashid (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat.

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 2 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70, Tahun 2016 bagi Daerah Belait di Masjid Mohammad Jamalul Alam.

Program yang dihasratkan untuk menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat serta penduduk negara ini mengenai peranan juga tanggungjawab untuk menaikkan dan mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70, Tahun 2016.

Di samping itu, ia juga dihasrat akan dapat meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat serta penduduk negara ini terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa serta negara.

Program dilaksanakan dengan tema keagamaan dan diserikan dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran, iaitu Surah An Nisaa' ayat 58 - 63, telah dibacakan oleh Awang Abdul Qawiyuddin bin Suhaili, johan Pertandingan Tilawah Al-Quran anjuran Jabatan Pengajian Islam dan johan Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Daerah Belait pada tahun 2013.

Ceramah khas disampaikan oleh Penolong Rektor, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Arman bin Haji Asmad yang antara lain mengupas hubungan bendera dengan Islam, termasuk sejarah bendera dengan Islam, kaitan bendera dengan semangat patriotisme dan nasionalisme, ketaatan kepada Raja juga peranan dan tanggungjawab rakyat serta penduduk untuk menaik-kibarkan bendera.

Bacaan Ratib Al-Attas telah dipimpin oleh guru agama Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Abu Bakar, Mumong, Awang Haji Abd. Afiq bin Zainuddin.

Bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan telah diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Akup bin Haji Lamat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan) di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin A. Rashid.

Majlis itu juga telah dihadiri oleh seramai 100 orang yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai beruniform, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan pegawai-pegawai dari syarikat swasta.



# Bendera punyai hubungan dengan Islam

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Ah Chua

**T**EMBURONG, Sabtu, 2 Julai. - Bendera yang merupakan lambang perpaduan rakyat sesebuah negara itu mempunyai hubungan dengan Islam termasuk sejarah bendera dalam Islam.

Bendera juga melambangkan semangat patriotisme dan nasionalisme, ketaatan kepada Raja di mana setiap rakyat dan penduduk di sesebuah negara mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk menaik-kibarkan bendera.

Demikian antara yang terkandung di dalam Ceramah Khas semasa berlangsungnya Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Temburong, disampaikan oleh Ahli Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa program yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar itu ialah Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Seramai lebih 150 orang telah menghadiri program yang diadakan bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70.

Terdahulu program dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Guru Ugama Terlatih dari Sekolah Ugama Bokok, Ustaz Abdul Aziz bin Hamzah yang sebelum ini pernah menjadi johan Peraduan Menghafaz Surah-Surah Pilihan serta Pemahaman pada tahun 2014.



AHLI Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid ketika menyampaikan Ceramah Khas semasa berlangsungnya Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



HADIR pada Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Temburong ialah Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris (dua dari kanan). Hadir sama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad (tiga dari kanan).

Antara kejayaan lain yang pernah beliau raih ialah johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia, Peringkat Daerah Temburong pada tahun 2009 dan naib johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia, Peringkat Daerah Temburong pada tahun 2008.

Program turut disemarakkan dengan bacaan Ratib Al-Attas, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Shafrillah bin Haji Ahamd dan diakhiri dengan bacaan doa 'Allah Peliharakan Sultan'.

Dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, program antara lain dihasratkan untuk menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing terhadap menaikkan dan mengibarkan bendera semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM yang ke-70.

Dengan adanya program sedemikian diharap akan dapat meningkatkan rasa hormat dan sayang dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa dan negara.

# Bendera semangat patriotisme, nasionalisme

Oleh: Nooratini Haji Abas

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



TIMBALAN Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 bagi Daerah Brunei dan Muara bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Julai. Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70, Tahun 2016 dihasrat untuk menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat serta penduduk negara ini mengenai peranan juga tanggungjawab mereka menaikkan dan mengibarkan bendera negara semasa sambutan berkenaan.

Program anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Daerah Brunei dan Muara itu diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Seramai 300 orang terdiri daripada Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai beruniform, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), pegawai dan pengamal perhubungan awam, persatuan-persatuan berdaftar dengan Majlis Belia Brunei, pegawai-pegawai dari syarikat swasta dan institut-institut pengajian tinggi juga takmir masjid menghadiri majlis tersebut.

Program dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah An Nisaa' bermula ayat 58 hingga 63 yang dibacakan oleh johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 2014 dan mewakili negara bagi Musabaqah Tilawatil Quran Antarabangsa Majlis Agama Islam Melaka Bersama Dunia Melayu Dunia Islam Kali Ke-5, 2014, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Kemudian diteruskan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Bahasa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili.

Seterusnya diikuti dengan bacaan Ratib Al-Attas diketuai oleh Mudim Haji Matassim bin Haji Metussin sementara bacaan doa Allah Peliharakan Sultan dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.



PENGARAH Pusat Bahasa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili semasa menyampaikan ceramah khas pada majlis tersebut.



**Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:**

| <b>Nama</b>  | <b>Kursus / Bengkel / Ceramah</b> | <b>Tarikh</b>       |
|--|-----------------------------------|---------------------|
| Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaihi            | Policy Management                 | 30 Julai - 4 Ogos   |
| Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A.Ahmad | Managing Team Creativity          | 26 Julai - 28 Julai |
| Awang Musa bin Mohidin                             | Inciting The Leadership In You    | 26 Julai - 28 Julai |
| Awang Haji Dayang bin Haji Kasim                   | Working With An Effective Team    | 25 Julai - 27 Julai |
| Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya     | Managing Team Creativity          | 26 Julai - 28 Julai |

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa, sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara kepada:



Hajah Painah binti Paiman  
Penolong Penyunting Tingkat III  
Tarikh tamat perkhidmatan :  
14 Julai 2016



Awang Kassim bin Haji Abd. Rahman  
Pegawai Penerangan  
Tarikh tamat perkhidmatan :  
31 Julai 2016

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**